



**PENIPUAN BELI
DALAM TALIAN**

EKSKLUSIF

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia mendedahkan kes penipuan pembelian dalam talian meningkat setiap tahun. Ada pembeli mendakwa tidak menerima pesanan, barang diterima dalam keadaan rosak atau tidak boleh digunakan serta kuantiti tidak seperti dijanjikan → **Ms.3**

Tipu pembelian dalam talian semakin meningkat

➔ Sikap pembeli, perubahan aliran perniagaan dorong mangsa buat tuntutan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya

Penipuan pembelian dalam talian semakin meningkat berdasarkan rekod tuntutan pengguna di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) sejak 2017.

Berdasarkan statistik, sepanjang 2017, 1,847 daripada 4,498 kes yang difailkan adalah membabitkan tuntutan pembeli dalam talian.

Tahun lalu, jumlah penipuan pembelian dalam talian meningkat kepada 2,109 kes daripada keseluruhan 4,506 kes tuntutan.

Pengerusi Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), Wan Rufaidah Wan Omar, memberitahu *BH*, setakat April tahun ini pula, daripada keseluruhan 1,795 kes tuntutan yang difailkan, 754 kes membabitkan tuntutan pembeli dalam talian.

Beliau berkata, peningkatan tuntutan membabitkan pembelian dalam talian sejak beberapa tahun ini didorong oleh sikap pembeli dan perubahan aliran perniagaan yang memanfaatkan perkemba-

ngan teknologi.

Beliau berkata, antara sebab utama pengguna memfailkan tuntutan kerana mereka tidak menerima barangan yang dibeli selepas membuat pembayaran.

"Tuntutan juga dibuat pengguna kerana menerima barang dalam keadaan rosak, tidak boleh digunakan atau tidak berkualiti serta kuantiti berkurangan tidak seperti yang dijanjikan.

"Selain itu ada kes barang yang dibekalkan tidak seperti diiklan dan tidak menerima perkhidmatan yang telah dijanjikan," katanya.

Sementara itu Wan Rufaidah berkata, peningkatan tuntutan bagi pelbagai kes dalam talian juga menyebabkan nilai tuntutan yang dibuat pengguna meningkat dari tahun ke tahun.

Testimoni direka penjual

"Sepanjang 2017, 4,498 kes difailkan dengan nilai tuntutan berjumlah RM21.2 juta, tahun lalu (4,506 kes) dengan nilai tuntutan meningkat kepada RM38.8 juta, manakala setakat April tahun ini sebanyak RM9.88 juta," katanya.

Dalam pada itu katanya, TTPM mengingatkan pengguna supaya memilih laman web atau platform dalam talian mahu pun perkhidmatan perniagaan yang boleh dipercayai dan selamat bagi mengelak menjadi mangsa penipuan.

"Berurusan dengan peniaga atau perniagaan yang berdaftar, dan buat semakan testimoni dan rujuk blog atau forum pengguna kerana ada testimoni yang direka penjual," katanya.

Beliau berkata, orang ramai juga perlu mengenal pasti kaedah pem-



STATISTIK TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA (TPPM)



JUMLAH TUNTUTAN		KES PENIPUAN DALAM TALIAN	
2017	4,498 kes	1,847 kes	
2018	4,506 kes	2,109 kes	
2019 <small>(sehingga April)</small>	1,795 kes	754 kes	

Sepanjang 2017, 4,498 kes difailkan dengan nilai tuntutan berjumlah RM21.2 juta, tahun lalu (4,506 kes) dengan nilai tuntutan meningkat kepada RM38.8 juta, manakala setakat April tahun ini sebanyak RM9.88 juta”

bayaran yang lebih selamat dan menyimpan semua bukti transaksi pembelian.

“Mereka juga perlu menyemak terma dan syarat pembelian ter-

utama syarat tebus rugi seperti penggantian, tempoh pemulangan barang atau wang pembayaran dan perkhidmatan selepas pembelian,” katanya.

Wan Rufaidah Wan Omar,
Pengerusi TTPM



Berdasarkan statistik, sepanjang 2017, 1,847 daripada 4,498 kes yang difailkan adalah membabitkan tuntutan pembeli dalam talian.

Individu tak daftar SSM paling ramai menipu

Kuala Lumpur: Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM) mengesahkan penipuan pembelian dalam talian dilakukan individu yang tidak mempunyai perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Presidennya, Mohd Azrul Mohd Nor, berkata segelintir peniaga terbahit licik memperdaya pengguna kerana kegiatan mereka sukar dikesan SSM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Katanya, individu terbabit juga dikesan menggunakan akaun pihak ketiga yang menyebabkan

kegiatan mereka sukar dibanteras pihak berkuasa.

Usah terpedaya

"Kami percaya pemilik akaun berkenaan mendapat komisen dari pada individu yang melakukan penipuan menerusi internet.

"Sebab itulah dulu ada kes tempahan telefon bimbit tetapi yang dihantar adalah lesung batu. Jangankan terpedaya terutama membabitkan barang yang dijual pada harga murah dalam talian," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas laporan berkenaan kes penipuan pembelian

an dalam talian yang semakin meningkat berdasarkan rekod tuntutan pengguna di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPM) sejak 2017.

Elak jadi mangsa penipuan

Mohd Azrul berkata, pengguna perlu membeli barang menerusi laman web atau platform dalam talian yang boleh dipercayai dan selamat bagi mengelak menjadi mangsa penipuan dan mengalami kerugian terutama pada musim perayaan.

Katanya, pengguna juga jangan mudah terpedaya dengan barang

murah yang dijual dalam talian, misalnya telefon pintar berharga RM2,000 hanya dijual RM900.

"Kita dapati tiada syarikat berdaftar dengan SSM melakukan penipuan. Bagi PUIM, semua 25,000 anggota kita berdaftar dengan SSM dan tidak terbabit dengan penipuan.

"Ketika melakukan pemindahan wang sama ada menerusi perbankan internet atau mesin pengeluaran wang automatik (ATM), sila teliti pemilik akaun berkenaan, sama ada individu atau syarikat yang menjual produk ditempat bagi mengelak penipuan," katanya.



Mohd Azrul Mohd Nor